



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

CETAKAN SEMULA

---

**Akta 142**

## **AKTA KUMPULAN WANG KUTU (PENGESAHAN) 1974**

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006*

DITERBITKAN OLEH  
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968  
SECARA USAHA SAMA DENGAN  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD  
2006

**AKTA KUMPULAN WANG KUTU  
(PENGESAHAN) 1974**

Tarikh Perkenan Diraja     ...   ...   ...   ...   30 Julai 1974

Tarikh penyiaran dalam *Warta*   ...   ...   ...   22 Ogos 1974

*CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU*

*Cetakan Semula Yang Pertama*   ...   ...   ...   ...   1997

*Cetakan Semula Yang Kedua*     ...   ...   ...   ...   2001

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 142****AKTA KUMPULAN WANG KUTU  
(PENGESAHAN) 1974**

---

**SUSUNAN SEKSYEN**

---

## Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Kumpulan wang kutu tertentu adalah sah di sisi undang-undang dan boleh dikuatkuasakan
4. Kuasa pelikuidasi



**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 142****AKTA KUMPULAN WANG KUTU  
(PENGESEHAN) 1974**

Suatu Akta untuk mengesahkan, bagi maksud penggulungan, beberapa transaksi yang lepas mengenai kumpulan wang kutu yang dijalankan oleh syarikat.

[23 Ogos 1974]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas**

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kumpulan Wang Kutu (Pengesahan) 1974.

**Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“kumpulan wang kutu” mempunyai erti yang sama seperti yang diberi kepada ungkapan itu dalam Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 [*Akta 28*];

“syarikat” ertinya sesuatu syarikat sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*], dan termasuklah sesuatu perbadanan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta tersebut.

**Kumpulan wang kutu tertentu adalah sah di sisi undang-undang dan boleh dikuatkuasakan**

3. (1) Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa semua kumpulan wang kutu yang telah berjalan pada atau sebelum 18 Februari 1971 dan telah dijalankan oleh suatu syarikat—

(a) yang telah digulung mengikut perenggan 8(2)(b) Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971; atau

- (b) yang telah digulung mengikut peruntukan Akta Syarikat 1965,

walau apa pun undang-undang yang berlawanan, sah di sisi undang-undang dan boleh dikuatkuasakan.

(2) Sebutan dalam seksyen ini mengenai penggulungan sesuatu syarikat termasuk, jika syarikat itu suatu syarikat asing, sebutan mengenai penggulungan hal ehwal syarikat asing itu setakat yang aset berkenaan syarikat asing itu yang terdapat dalam Malaysia berkenaan.

### **Kuasa pelikuidasi**

4. Bagi maksud menggulung sesuatu syarikat yang disebut dalam seksyen 3, pelikuidasi mempunyai kuasa—

- (a) untuk memungut semua wang yang kena dibayar daripada peserta pemungkir bagi sesuatu kumpulan wang kutu yang disebut dalam seksyen itu dan yang dijalankan oleh syarikat itu; dan
- (b) untuk membayar apa-apa wang yang kena dibayar kepada peserta sesuatu kumpulan wang kutu.
-

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 142****AKTA KUMPULAN WANG KUTU  
(PENGESAHAN) 1974**

## SENARAI PINDAAN

Undang-undang  
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa  
dari— TIADA —  

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 142**

**AKTA KUMPULAN WANG KUTU  
(PENGESAHAN) 1974**

**SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen

Kuasa meminda

Berkuat kuasa  
dari

— TIADA —

---